

20 MAY 2000

SARAWAK MENYELARASKAN PERATURAN HAL EHWAL ISLAM

KUCHING, 20 Mei (Bernama) -- Kerajaan Sarawak akan menyelaraskan semua peraturan dan undang-undang mengenai hal ehwal Islam seperti di negeri-negeri lain, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata hari ini.

Menurutnya, Kerajaan Negeri bersetuju untuk berkerjasama dengan kerajaan pusat dalam hal itu selaras dengan hasrat memantapkan pelaksanaan nilai Islam di negara ini.

"Tindakan itu akan dibuat secara berperingkat melalui semua jabatan serta pihak berkuasa berkaitan selepas diluluskan oleh Parliamen nanti," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan bendera kepada kontingen Sarawak yang akan menyertai Sukma ke-lapan di sini.

Mengulas mengenai arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar semua Menteri Besar dan Ketua Menteri Barisan Nasional (BN) menyelaraskan perundangan Islam di negeri masing-masing, beliau berkata Sarawak memang mempunyai peraturan Islam sama seperti di negeri-negeri lain.

Penyelarasan itu tidak sukar dilaksanakan memandangkan ada antara kandungan peraturan dan undang-undang sedia ada telah diselaraskan cuma berbeza mengikut istilah dan tulisannya, kata Abdul Taib.

-- BERNAMA

CJ PR